

**AMALAN DAN PENGGUNAAN HERBA DALAM
PERUBATAN TRADISIONAL MELAYU
SELEPAS BERSALIN DI ZON TENGAH,
SEMENANJUNG MALAYSIA**

SITI KHAIRUL BARIYYAH BINTI AKHIAR

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**AMALAN DAN PENGGUNAAN HERBA DALAM PERUBATAN
TRADISIONAL MELAYU SELEPAS BERSALIN DI ZON TENGAH,
SEMENANJUNG MALAYSIA**

SITI KHAIRUL BARIYYAH BINTI AKHIAR

Tesis ini dikemukakan sebagai
memenuhi syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Sains

**Fakulti Sains Teknologi dan Pembangunan Insan
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia**

Mac 2016

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana berkat limpah kurnia dan izinnya, telah memberikan kesihatan yang baik, kesabaran dan semangat, akhirnya tesis ini berjaya disempurnakan. Pertama sekali, jutaan terima kasih kepada penyelia tesis ini, Prof. Datin Dr. Maryati Mohamed kerana telah banyak memberi tunjuk ajar, nasihat dan teguran sepanjang kajian ini dijalankan. Tanpa bimbingan dan penyeliaan yang mantap, penulisan ini tidak mungkin dapat disempurnakan dengan jayanya. Tidak lupa juga kepada penyelia bersama Prof. Madya Dr. Alona Lintoc atas segala tunjuk ajar. Penyelidik juga sangat berterima kasih kepada bidan-bidan selaku responden yang telah memberikan layanan yang baik serta kerjasama yang amat memberangsangkan semasa kajian ini dijalankan. Kebaikan dan pertolongan yang diberikan ini pasti tidak akan dilupakan. Tidak lupa kepada kepada Dr. Ami, Dr. Shamsaini, abah, suami, keluarga dan rakan-rakan seperjuangan yang telah membantu dari pelbagai aspek terutamanya menemani penyelidik membuat kunjungan ke rumah-rumah bidan dan bersama-sama mengambil bahagian dalam perbincangan. Akhir kata terima kasih kepada semua mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan tesis ini. Semoga segala kebaikan yang diberikan akan mendapat sebaik-baik ganjaran dari Allah s.w.t.

ABSTRAK

Pembangunan tanpa mengambil kira pemeliharaan dan pemuliharaan pengetahuan tradisional Melayu boleh mengakibatkan bangsa Melayu kehilangan identiti. Kajian ini telah dilakukan untuk mendokumenkan amalan-amalan; mengumpul tumbuhan ubatan, mengenalpasti dan menyenaraikan tumbuhan ubatan serta mendokumenkan kaedah penggunaan tumbuhan ubatan dalam rawatan dan penjagaan tradisional Melayu selepas bersalin; serta mengumpul dan menganalisis maklumat bioaktiviti tumbuhan ubatan tersebut melalui carian atas talian. Kajian melibatkan dua fasa; (i) tinjauan temubual bersemuka ke atas 30 orang bidan kampung dan (ii) carian atas talian. Julat umur bagi tiga puluh orang responden ini di antara 49 hingga 85 tahun (purata 64 tahun). Manakala, pengalaman perbidanan responden berjulat antara 5 hingga 54 tahun (mod 15-19 tahun). Sebahagian besar (36%) tamat sekolah rendah. Daripada temubual, terdapat 14 amalan dalam perbidanan Melayu dan ini telah didokumenkan. Amalan yang lazim dilakukan oleh lebih dari 70% responden ialah berurut, berbengkung, memakai pilis dan param. Analisis merekodkan 80 spesies daripada 37 famili tumbuhan digunakan dalam rawatan. Daripada kajian literatur atas talian, tumbuhan ubatan 41 bioaktiviti yang bertindak seperti anti mikrobial, anti oksidan, anti radang, aktiviti mengawal kesakitan dan penyembuhan luka telah dikenalpasti. Data literatur atas talian ini menyediakan bukti saintifik keberkesanan tumbuhan ubatan yang digunakan dalam amalan perbidanan Melayu. Secara keseluruhannya, perbidanan Melayu selepas bersalin merupakan usaha holistik ke arah kesihatan dan kesejahteraan ibu. Ia terdiri daripada empat aspek utama; amalan, penggunaan herba, penjagaan pemakanan dan penjagaan perilaku. Oleh itu, pendokumentasian perbidanan Melayu ini dapat mengekalkan budaya dan identiti bangsa Melayu; serta membuktikan secara saintifik kepentingan dan nilai tumbuhan ubatan. Ia juga menyedarkan keperluan memelihara dan memulihara biodiversiti negara kita yang kaya dengan tumbuhan ubatan yang berpotensi untuk diiktiraf diperingkat antarabangsa dan menyumbang kepada ekonomi negara

ABSTRACT

Development without preservation and conservation of traditional knowledge will cause the loss of Malay's identity. This study was conducted to document practices; collect medicinal plants, identify and produce a list of medicinal plants used in traditional Malay midwifery treatment and care; as well as to collect and analyse bioactivity information of medicinal plants through online research. The study involves two phases; (i) survey of 30 village midwives using face to face interview (ii) online literature research. The age ranges of the thirty respondents are, between 49-85 years (average 64 years). Midwifery experience of respondents ranged from 5 to 54 years (mode 15-19 years). A majority of them (36%) completed primary school. From the interview, a total of 14 Malays midwifery practices have been documented. The practices that commonly done by more than 70% of respondents are massage, *berbengkung*, application of *pilis* and *param*. The analysis recorded 80 species of 37 families of plants used in the treatment. From the online literature research, 41 bioactivities such as antimicrobial, antioxidant, anti-inflammatory, pain control activity and wound healing were identified. This online literature data provides scientific evidence of the effectiveness of medicinal plants applied in the Malay midwifery practice. Overall, Malay postnatal midwifery is a holistic effort towards health and well-being of the mother. It consists of four main aspects; the practice, the use of herbs, the nutritional care and the behavioural care. Thus, this documentation plays an important role in preserving the culture and Malay identity and scientific evidence on the importance and value of our local plants. It also alerts us of the need to preserve and conserve our nation's biodiversity which consists of potential medicinal plants that can be recognised internationally and contribute to the country's economy.

KANDUNGAN

	TAJUK	i
	PENGAKUAN	ii
	PENGHARGAAN	iii
	ABSTRAK	iv
	KANDUNGAN	vi
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xii
	SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1	Pengenalan	1
	1.0 Pendahuluan	1
	1.1 Penyataan masalah	2
	1.1a Kehilangan identiti bangsa Melayu	2
	1.1b Kepupusan spesies	4
	1.1c Kerugian peluang ekonomi	5
	1.1d Hak-hak harta intelek	7
	1.2 Objektif kajian	8
	1.3 Kepentingan kajian	8
	1.4 Skop kajian	9
	1.5 Batasan kajian	10
	1.6 Definisi istilah operasi	10
BAB 2	Kajian Literatur	
	2.0 Pendahuluan	11
	2.1 Rawatan dan penjagaan tradisional Melayu selepas bersalin	11
	2.1.1 Bidan	13
	2.1.2 Amalan lazim dalam rawatan dan penjagaan tradisional Melayu selepas bersalin	14
	2.2 Penggunaan tumbuhan ubatan dalam amalan	

	perbidanan	21
2.3	Penyakit, gejala dan kesan-kesan sampingan selepas bersalin	25
2.3.1	Gangguan emosi	26
2.3.2	Tumpah darah dan kekurangan darah	27
2.3.3	Masalah pembuangan air kecil dan air besar	27
2.3.4	Perubahan bentuk tubuh	28
2.3.5	Masalah bau badan	28
2.3.6	Masalah hubungan kelamin suami isteri	28
2.3.7	Sakit anggota badan	29
2.3.8	Masalah kesihatan lain	29
2.4	Perkembangan semasa dalam pengurusan selepas bersalin; Perubatan Tradisional Dan Komplementari (PT&K)	30
2.5	Kepentingan proses pendokumentasian Pengetahuan tradisional dan isu-Isu berkaitan	32
2.5.1	Proses pendokumentasian	33
2.5.2	Hak-hak harta intelek	36
2.5.3	Perkongsi akses dan keuntungan	36
BAB 3	METODOLOGI	
3.0	Pendahuluan	39
3.1	Pembinaan borang kaji selidik	39
3.2	Pembinaan borang perakuan <i>Prior Informed Consent</i> (PIC) dan Akses Dan Perkongsian Keuntungan (ABS)	40
3.3	Kajian awal	41
3.4	Penambahbaikan soalan	41
3.5	Kajian lapangan	42
3.5.1	Kawasan kajian	42
3.5.2	Responden	42

	3.5.3	Pengumpulan data	44
3.6		Analisis	44
	3.6.1	Demografi	45
	3.6.2	Amalan	45
	3.6.3	Tumbuhan/herba ubatan	45
	3.6.4	Carian atas talian bioaktiviti tumbuhan/herba	45
3.7		Spesimen baucer	46
	3.7.1	Pengumpulan sampel baucer	48
	3.7.2	Susunan dan penyediaan sampel baucer	50
	3.7.3	Maklumat botani	52
	3.7.4	Pengesahan spesies	52
3.8		Carian atas talian bioaktiviti tumbuhan	53
BAB 4		HASIL KAJIAN	
4.0		Pendahuluan	55
4.1		Demografi	55
4.2		Amalan perbidanan tradisional Melayu selepas Bersalin	59
	4.2.1	Mandi	59
	4.2.2	Bertangas	64
	4.2.3	Berurut	69
	4.2.4	Bertungku	71
	4.2.5	Pemakaian tapel	74
	4.2.6	Berbengkung	75
	4.2.7	Pemakaian pilis	77
	4.2.8	Pemakaian param	79
	4.2.9	Pengambilan jamu	81
	4.2.10	Pengambilan ubat periuk	84
	4.2.11	Pengambilan makjun	87
	4.2.12	Penjagaan pemakanan dan perilaku	89
4.3		Penggunaan tumbuhan ubatan/herba dalam amalan perbidanan Melayu selepas bersalin	95
	4.3.1	Ramuan air mandi daun	96
	4.3.2	Ramuan air mandi bunga	97

4.3.3	Ramuan tangas kering	97
4.3.4	Ramuan tangas basah	98
4.3.5	Ramuan bertungku	99
4.3.6	Ramuan minyak urut	100
4.3.7	Ramuan tapel	101
4.3.8	Ramuan pilis	102
4.3.9	Rauan param	103
4.3.10	Ramuan jamu	104
4.3.11	Ramuan ubat periuk	105
4.3.12	Ramuan makjun	106
4.3.13	Ramuan minuman herba tambahan	106
4.3.14	Ramuan air cebok	107
4.4	Bioaktiviti tumbuhan yang digunakan yang digunakan	109
4.4.1	Aktiviti anti mikrobial	111
4.4.2	Aktiviti anti oksidan	114
4.4.3	Aktiviti anti radang	116
4.4.4	Aktiviti anti kanser	111
4.4.5	Aktiviti mengawal kesakitan	117
4.4.6	Aktiviti penyembuhan luka	119
4.4.7	Bioaktiviti 10 tumbuhan yang paling banyak digunakan	121
4.5	Spesimen baucer	127
4.6	Rumusan	128
BAB 5	PERBINCANGAN	
5.0	Pendahuluan	130
5.1	Implikasi kajian	130
5.1.1	Kelangsungan dan pemeliharaan budaya Melayu	132
5.1.2	Pemeliharaan tumbuhan ubatan	133
5.1.3	Peluang ekonomi negara	133
5.1.4	Hak-hak harta intelek	135
5.2	Dokumentasi pengetahuan tradisional	136
5.2.1	Pemberi maklumat	137

5.2.2	Faktor-faktor halangan	138
5.3.	Perbidanan Melayu: amalan merentas masa	142
5.3.1	Amalan	142
5.3.2	Penggunaan tumbuhan ubatan	147
5.3.3	Perbidanan Melayu: kesan terhadap psikologi	151
5.4	Penyediaan bukti saintifik	152
5.4a	Aktiviti anti mikrobial	152
5.4b	Aktiviti anti oksidan	155
5.4c	Aktiviti radang	158
5.4d	Aktiviti mengawal kesakitan	160
5.4e	Aktiviti penyembuhan luka	161
5.5	Perbidanan Melayu perawatan holistik	162
5.6	Cadangan masa hadapan	163
5.6.1	Kursus dan latihan	163
5.6.2	Keseragaman dan kawalan mutu perkhidmatan	164
5.6.3	Penyelidikan dan pembangunan	165
5.6.4	Pendokumentasian	166
5.6.5	Pengiktirafan	167
5.6.6	Perlindungan insuran	167
5.6.7	Muzium perubatan tradisional Melayu	153
5.7	Cadangan kajian pada masa akan datang	168
	RUJUKAN	169
	LAMPIRAN	212

SENARAI JADUAL

4.1	Pantang larang ibu selepas bersalin	91
4.2	Contoh tumbuhan/herba yang mempunyai aktiviti anti mikrobial	111
4.3	Contoh tumbuhan/herba yang mempunyai aktiviti anti oksidan	114
4.4	Contoh tumbuhan/herba yang mempunyai aktiviti anti radang	116
4.5	Contoh tumbuhan/herba yang mempunyai aktiviti mengawal kesakitan	118
4.6	Contoh tumbuhan/herba yang mempunyai aktiviti penyembuhan luka	119
4.7	Bioaktiviti 10 tumbuhan yang paling banyak dilaporkan	121
4.8	Senarai tumbuhan/herba spesimen baucer	128
5.1	Keluasan kawasan penanaman dan penghasilan herba di Malaysia	134
5.2	Bilangan pesakit dan pendapatan di bawah Program Pelancongan Kesihatan 2002-2005	135

SENARAI RAJAH

2.1	Tungku batu sungai	16
2.2	Tungku besi pelbagai saiz	16
2.3	Bengkung roda	17
2.4	Bengkung tali kasut	18
2.5	Kemenyan Arab dan kemenyan biasa	19
2.6	Amalan pemakaian pilis	22
2.7	Param yang belum dibancuh	23
2.8	Modaliti PT&K beserta badan Pengamal di Malaysia	30
2.9	Sesi temuramah bersama pemilik ilmu	35
3.1	Carta aliran kerja keseluruhan kajian	41
3.2	Carta aliran kerja bagi pemilihan responden	43
3.3	<i>Digger, cutter, secateurs</i>	46
3.4	Kayu penekan tumbuhan	46
3.5	Suratkhabar	47
3.6	Zink	47
3.7	<i>Tags</i>	47
3.8	Benang dan jarum	47
3.9	Kertas herbarium	47
3.10	Plastik	47
3.11	Tali pengikat kayu	48
3.12	Pandangan sisi susunan spesimen yang telah diikat	49
3.13	Kayu penekan yang telah diikat	49
3.14	Proses menjahit spesimen	50
3.15	Bahagian belakang kertas herbarium yang telah diikat	51
3.16	Bahagian belakang kertas herbarum yang telah ditampal dengan pita pelekat	51
3.18	Carta aliran kerja bagi carian atas talian bioaktiviti tumbuhan	54

3.17	Sampel yang telah siap dijahit	52
4.1	Maklumat demografi umur responden	56
4.2	Carta taburan tempoh pengalaman responden	56
4.3	Maklumat demografi latar belakang pendidikan	57
4.4	Pertindihan bagi sumber pengetahuan bidan	58
4.5	Responden yang mengamalkan mandi daun dan mandi bunga	60
4.6	Amalan mandi daun	61
4.7	Tujuan amalan mandi daun	62
4.8	Amalan mandi bunga	63
4.9	Tujuan amalan mandi bunga	64
4.10	Responden yang mengamalkan bertangas kering dan bertangas basah	65
4.11	Amalan bertangas kering	65
4.12	Tujuan bertangas kering	66
4.13	Amalan bertangas basah	67
4.14	Tujuan bertangas basah	68
4.15	Amalan berurut	69
4.16	Tujuan amalan berurut	70
4.17	Amalan bertungku	71
4.18	Tungku herba	70
4.19	Tujuan amalan bertungku	73
4.20	Amalan pemakaian tapel	74
4.21	Tujuan amalan pemakaian bengkung	76
4.22	Amalan pemakaian pilis	77
4.23	Tujuan amalan pemakaian pilis	78
4.24	Amalan pemakaian param	79
4.25	Tujuan amalan pemakaian param	80
4.26	Serbuk jamu kering	81
4.27	Jamu basah / tasak	81
4.28	Amalan pengambilan jamu	82
4.29	Tujuan amalan pengambilan jamu	83
4.30	Amalan pengambilan ubat periuk	85
4.31	Tujuan amalan pengambilan ubat periuk	86

4.32	Amalan pengambilan makjun	87
4.33	Tujuan amalan pengambilan makjun	88
4.34	Pantang larang ibu semasa tempoh berpantang	90
4.35	Sayur yang lazim dimakan semasa berpantang	93
4.36	Sayur yang tidak boleh dimakan semasa berpantang	93
4.37	Ikan yang lazim dimakan semasa berpantang	94
4.38	Ikan yang tidak boleh dimakan semasa berpantang	95
4.39	Penggunaan tumbuhan/herba dalam ramuan mandi daun	97
4.40	Penggunaan tumbuhan ubatan dalam ramuan bertangas kering	98
4.41	Penggunaan tumbuhan ubatan dalam ramuan bertangas basah	99
4.42	Penggunaan tumbuhan ubatan untuk membalut tungku	100
4.43	Penggunaan tumbuhan ubatan dalam ramuan minyak urut	101
4.44	Penggunaan tumbuhan ubatan dalam ramuan tapel	102
4.45	Penggunaan tumbuhan ubatan dalam pemakaian pilis	102
4.46	Penggunaan tumbuhan ubatan dalam ramuan param	103
4.47	Penggunaan tumbuhan ubatan yang digunakan sebagai ramuan jamu	104
4.48	Penggunaan tumbuhan ubatan dalam ramuan ubat periuk	105
4.49	Penggunaan tumbuhan dalam minuman herba tambahan	107
4.50	Penggunaan tumbuhan ubatan dalam ramuan air cebok	108
4.51	Tumbuhan ubatan yang paling kerap digunakan dalam perubatan tradisional Melayu selepas bersalin	109
4.52	Bioaktiviti tumbuhan/herba	110
5.1	Gambaran pengamalan pengetahuan tradisional pada masa akan datang	131
5.2	Trend import eksport herba	134
5.3	Perubahan yang dialami oleh ibu selepas bersalin	143

SENARAI LAMPIRAN

1	Borang PIC dan ABS	212
2	Soalan Kaji Selidik	214
3	Kaedah Dan Ramuan Amalan	237
4	Bioaktiviti Tumbuhan	247

Bab 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Kajian ini merupakan satu kajian multidisiplin berkenaan pengetahuan tradisional yang merangkumi aspek sains sosial dan sains hayat. Pengetahuan tradisional suku kaum Melayu yang dikaji ialah cara rawatan dan penjagaan ibu selepas bersalin. Ini termasuk pendokumentasian proses-proses serta tumbuhan ubatan yang digunakan. Selepas mendapat maklumat tumbuhan ubatan yang digunakan, maklumat biologi serta bioaktiviti sebatian kimia dalam tumbuhan tersebut, yang berkemungkinan mempunyai peranan dalam penjagaan kesihatan ibu lepas bersalin telah dikumpulkan. Maklumat-maklumat ini telah dikumpulkan menggunakan reka bentuk kajian atas talian. Dengan demikian tesis ini merupakan pengumpulan dan pendokumentasian maklumat yang lebih lengkap dan saintifik terhadap perawatan dan penjagaan ibu selepas bersalin bagi suku kaum atau etnik Melayu.

Menurut *World Intellectual Property Organization* (WIPO), pengetahuan tradisional adalah pengetahuan, kemahiran serta amalan lama yang telah dibangunkan oleh masyarakat peribumi atau tempatan dan pengetahuan, kemahiran serta amalan ini diwariskan daripada satu generasi ke satu generasi dalam sesebuah masyarakat seterusnya menjadi sebahagian daripada identiti budaya atau spiritual (WIPO, 2015).

Malaysia merupakan sebuah negara yang penduduknya terdiri daripada berbilang bangsa. Terdapat tidak kurang daripada 45 kaum atau bangsa seperti Melayu, Cina, India, Orang Asli, Iban dan Kadazan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Setiap kaum ini kaya dengan pengetahuan tradisional tersendiri yang telah diamalkan berkurun lamanya. Sebahagian daripada pengetahuan tradisional diturunkan melalui cerita, legenda, dongeng, ritual, pantang larang dan lagu.

World Health Organization (WHO) (2000) telah mendefinisikan perubatan tradisional sebagai himpunan pengetahuan, kemahiran serta amalan-amalan

berdasarkan teori, kepercayaan dan pengalaman yang berasal dari budaya yang berbeza, sama ada dijelaskan atau tidak, yang digunakan untuk mengekalkan kesihatan serta untuk tujuan pencegahan, mendiagnosis, pemulihan atau merawat penyakit fizikal dan mental.

Di dalam kajian ini, kajian terhadap adat dan budaya, kepercayaan, amalan tradisional yang diamalkan oleh kaum Melayu dalam menjaga dan merawat wanita khusus selepas bersalin telah dilakukan.

1.1 Penyataan masalah

Rawatan dan penjagaan tradisional Melayu untuk ibu-ibu selepas bersalin merupakan suatu usaha holistik yang terdiri dari beberapa set amalan, penggunaan herba sebagai ubatan serta doa dan mantera. Rawatan ini diberikan oleh seorang wanita yang dikenali sebagai bidan yang memulakan penjagaan daripada hari pertama selepas ibu melahirkan anak sehinggalah selepas tamat tempoh berpantang iaitu dalam tempoh selama 44 hari.

Melihat kepada kesan pembangunan yang memberi impak kepada sosiobudaya tempatan, amalan-amalan ini dikhuatiri semakin dipinggirkan (Ibrahim, 2006). Sebahagian amalan lama yang berbentuk pemujaan dan amalan-amalan rohani sudah tidak lagi diamalkan oleh bangsa Melayu kerana dikhuatiri menjejaskan akidah mereka sebagai orang Islam (Adnan & Othman, 2012). Amalan-amalan yang kian jarang diamalkan akhirnya boleh menjadi pupus dan tentu sekali akan merugikan bangsa Melayu. Selain itu kurangnya pengetahuan tentang kegunaan sesuatu tumbuhan akan menjadikan tumbuhan tersebut tidak mendapat perhatian dan ini pula boleh mengakibatkan kepupusan biodiversiti. Perkara-perkara ini dinyatakan sebagai masalah dan diterangkan lebih terperinci dalam bahagian 1.1a, 1.1b, 1.1c dan 1.1d.

1.1a Kehilangan identiti bangsa Melayu

Rawatan dan penjagaan tradisional Melayu selepas bersalin telah diamalkan sejak bertahun-tahun lamanya. Namun, pada hari ini, dalam kalangan orang-orang tua bangsa Melayu sendiri diperhatikan sudah tidak ramai lagi yang mempraktikkan

amalan-amalan rawatan tradisional. Akibatnya, generasi baru yang membesar dalam era permodenan kurang mengamalkannya (Thomas & Coleman, 2004) kerana ketiadaan pengetahuan tentang sumber perubatan yang luas yang terdapat dalam persekitaran mereka. Mereka lebih cenderung kepada sumber-sumber yang terdapat dalam pasaran (Uniyal *et al.*, 2006) serta mereka kurang menghargai amalan perubatan tradisional (Srithi *et al.*, 2009). Walaupun, kesan daripada permodenan dan urbanisasi telah menyebabkan kurangnya kepercayaan terhadap aplikasi perubatan tradisional, lebih-lebih lagi pada penduduk di kawasan bandar (Adnan & Othman, 2012), namun masih terdapat amalan dan budaya tempatan yang dipraktikkan sehingga kini (Rostam *et al.*, 2011).

Pembangunan pesat yang menawarkan pelbagai peluang pekerjaan telah menyebabkan semakin ramai penduduk kampung berhijrah ke bandar untuk meningkatkan taraf kehidupan mereka. Ini mengakibatkan ibu-ibu yang mendiami kawasan bandar sukar untuk mendapatkan rawatan tradisional kerana kebanyakan bidan kampung mendiami kawasan luar bandar. Kewujudan pusat-pusat rawatan moden dan kedai-kedai yang menjual pelbagai produk herba yang tumbuh bagaikan cendawan selepas hujan pula telah menyediakan peluang rawatan alternatif kepada ibu-ibu ini. Penyediaan rawatan alternatif dalam pelbagai bentuk ini lama kelamaan boleh menyebabkan rawatan perubatan tradisional bukan lagi menjadi keutamaan dan pilihan.

Peranan bidan yang suatu ketika dahulu sangat penting dalam komuniti Melayu, dilihat semakin dipinggirkan. Jika suatu ketika dahulu bidan kampung akan menyambut kelahiran bayi, kini tugas tersebut telah diambil alih oleh pegawai perubatan. Perawatan dan penjagaan juga tidak lagi diberikan penekanan seperti dahulu. Kebanyak amalan tersebut sudah semakin dilupakan dan segala amalan pantang larang untuk ibu selepas bersalin semakin dilupakan. Selain itu, tugas menyediakan ubatan herba tradisional yang digunakan dalam rawatan tradisional yang agak kompleks (Adnan & Othman, 2012) telah dipermudahkan dengan penghasilan pelbagai produk penjagaan kesihatan dan kecantikan selepas bersalin dalam bentuk mudah yang terdapat di pasaran serta boleh digunakan dengan segera (Silvanathan & Low, 2014). Penghasilan pelbagai perubatan herba moden dalam bentuk kapsul, pil dan sebagainya lebih menjadi pilihan ramai kerana lebih bersifat mesra pengguna berbanding air rebusan herba, makjun dan lain-lain. Tambahan pula produk-produk tersebut boleh diperoleh dengan mudah di kedai-kedai jamu tanpa

memerlukan sebarang preskripsi daripada bidan. Ini jelas menunjukkan peranan bidan kampung semakin dipinggirkan.

Selain daripada isu permodenan bidang perubatan, sikap generasi sekarang yang tidak mahu mengambil tahu atau mempraktikkan amalan nenek moyang mereka turut menjadi penyebab utama hilangnya amalan serta pengetahuan tentang rawatan dan perubatan tradisional pada masa kini. Keadaan menjadi semakin buruk apabila rawatan perubatan tradisional Melayu untuk ibu-ibu selepas bersalin tidak diwariskan kepada generasi seterusnya.

Oleh yang demikian, kajian ini adalah penting sebagai satu inisiatif dalam usaha untuk mengekalkan dan memelihara identiti bangsa Melayu daripada terus pupus ditelan zaman. Pemeraksanaan budaya bangsa Melayu hanya boleh dilakukan bermula daripada usaha pendokumentasian maklumat dan pengetahuan tradisional Melayu, yang perlu dilakukan, demi meneruskan kesinambungan tamadun bangsa Melayu agar tidak luput ditelan zaman.

1.1b Kepupusan spesies

Selain daripada kaya dengan budaya tersendiri, negara kita juga merupakan salah satu negara megabiodiversiti yang kaya dengan spesies flora dan fauna. Iklim panas lembab menjadikan ekosistem hutan di Malaysia membantu pembiakan dan pertumbuhan pelbagai jenis tumbuhan yang berpotensi untuk pelbagai guna. Sebagai contoh, tumbuhan dalam hutan tropika Malaysia merupakan sumber penghasilan kayu balak (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Selain itu pelbagai tumbuhan hutan di Malaysia juga telah dikenal pasti berpotensi sebagai sumber ubatan tradisional yang telah digunakan oleh pelbagai suku kaum Melayu dan bumiputera di Malaysia untuk penjagaan kesihatan (Samuel *et al.*, 2010; Adnan & Othman, 2012; Lin, 2005; Ahmad & Ismail, 2003; Ong, Zuki & Milow, 2011; Zal *et al.*, 2014).

Dalam usaha pemuliharaan hutan, keutamaan selalu diberikan kepada tumbuhan yang telah dikenal pasti mempunyai potensi pelbagai kegunaan. Sekiranya herba yang digunakan oleh pengamal-pengamal perubatan tradisional tidak diwar-warkan kepentingannya, berkemungkinan tumbuhan tersebut tidak akan mendapat perhatian dan tidak akan diutamakan untuk tujuan pemuliharaan.

Perusahaan yang menjana ekonomi negara seperti penghasilan kayu balak telah mengubah dan memusnahkan habitat tumbuhan dan berkemungkinan telah mengakibatkan pupusnya pelbagai spesies tumbuhan. Sebagai contoh, terdapat 47 spesies takson anggerik daripada Gunung Ulu Kali, Genting Highland yang diancam kepupusan akibat pembangunan (Jin *et al.*, 2012). Kepupusan spesies ini juga memberi kesan kepada amalan perubatan tradisional apabila sumber perubatan herba semakin sukar untuk diperolehi di hutan (Zal *et al.*, 2014). Apabila tumbuhan ubatan tertentu sukar diperolehi, secara tidak langsung, bilangan herba tersebut akan berkurangan dan jarang digunakan. Perkara begini boleh mengakibatkan timbul rasa tidakpercayaan dan keraguan terhadap rawatan perubatan tradisional Melayu.

Andaikata amalan perubatan tradisional Melayu ini tidak diwariskan, ilmu perubatan herba ini tidak akan ada kesinambungannya untuk generasi akan datang. Apabila tiada lagi individu yang mengetahui tentang khasiat tumbuhan herba tersebut, maka tiada usaha pemeliharaan dan pemuliharaan akan dilakukan ke atas spesies yang digunakan untuk rawatan ibu-ibu lepas bersalin.

Di samping itu, sekiranya tiada lagi individu yang dianggap pakar tentang herba yang digunakan dalam amalan perubatan tradisional Melayu untuk ibu-ibu selepas bersalin, maka tumbuhan ubatan tersebut tidak lagi dinilai berkualiti dan tidak akan diketahui khasiat perubatannya. Manusia akan memusnahkan tanpa usaha pemeliharaan spesies-spesies yang berguna kerana tidak mengetahui nilai perubatan tumbuhan tersebut. Dengan melepaskan sepenuhnya penggunaan sumber alam semula jadi seperti tumbuhan herba, boleh menyebabkan sesuatu pengetahuan tradisional tidak lagi diamalkan.

1.1c Kerugian peluang ekonomi

Luputnya pengetahuan tentang rawatan dan penjagaan perubatan tradisional Melayu selepas bersalin bukan sahaja memberi impak kepada identiti bangsa malahan turut merugikan peluang ekonomi tempatan. Pengetahuan tradisional ini sebenarnya membuka peluang ekonomi kepada masyarakat. Peluang-peluang perniagaan seperti spa perubatan tradisional, penghasilan produk-produk daripada herba tempatan boleh menjana ekonomi negara dan dapat membantu memperbaiki taraf hidup masyarakat. Oleh yang demikian, sekiranya tiada inisiatif atau usaha berterusan daripada pelbagai

pihak untuk memelihara dan meneruskan amalan perubatan tradisional ini, ianya akan menyebabkan kerugian kepada ekonomi negara (Zal *et al.*, 2014; Wee *et al.*, 2013; Latiff & Zakri, 2000).

Menyedari tentang kepentingan pengetahuan tradisional, pelbagai pihak, terutamanya dari luar negara, kini mula memberikan perhatian ke atasnya. Pada tahun 1998, konsep pelancongan kesihatan telah diperkenalkan di Malaysia bagi mempelbagaikan aktiviti ekonomi yang dapat menjana dan menyumbang kepada pendapatan negara secara berterusan. Keunikan dan keberkesanan perubatan tradisional Melayu boleh menjadi tarikan pelancongan kesihatan dan sekaligus membantu menjana ekonomi negara.

Walaupun pengetahuan tradisional sangat berpotensi untuk menjadi daya tarikan pelancong dan para pengkaji, namun sehingga kini, masih tiada hak-hak perlindungan diberikan kepada pengetahuan tradisional (Kormin, 2012). Keuntungan daripada maklumat pengetahuan tradisional hanya akan diperoleh oleh pihak tertentu sahaja tanpa terdapat undang-undang yang memperakui hak pemilik maklumat tersebut untuk memperolehi sebarang faedah dan royalti. Ia juga dikhuatiri akan menyebabkan berlaku penyelewengan dan penyalahgunaan maklumat oleh pihak luar (WIPO, 2012).

Seandainya fenomena ini berterusan, maka masyarakat Melayu akan mengalami kepupusan warisan budaya yang unik dan tersendiri. Adalah sesuatu yang mustahil untuk menghalang pembangunan dan perkembangan teknologi, namun usaha untuk memelihara warisan ini, khususnya penjagaan dan perawatan tradisional Melayu bagi ibu selepas bersalin, perlu dilakukan melalui kajian dan pendokumentasian maklumat. Pendokumentasian seperti ini sangat penting sebagai satu usaha untuk memelihara pengetahuan tradisional daripada terus pupus selain boleh dijadikan sebagai rujukan kepada generasi akan datang.

Justeru itu, kajian ini menyasarkan agar penjagaan dan perawatan tradisional Melayu bagi ibu selepas bersalin ini dapat dipelihara, dikenali keunikan dan keberkesananya serta terdapat jaminan keselamatan untuk digunakan. Selain itu, diharap amalan perubatan tradisional ini mendapat pengiktirafan serta diamalkan oleh bangsa lain di seluruh dunia.

1.1d Hak-hak harta intelek

Pada ubat-ubat moden juga telah dikenal pasti terdapat beberapa kelemahan. Satu daripadanya ialah kesan sampingan. Banyak jenis dadah yang digunakan sebagai ubat alopantik boleh meninggalkan kesan sampingan. Contohnya ubat untuk mengurangkan rasa sakit (*pain killers*) yang dimakan dalam kuantiti yang banyak untuk mengurangkan rasa sakit akibat penyakit seperti gout, migrain dan lain-lain boleh memberikan kesan mudarat kepada organ buah pinggang dan boleh menyebabkan kegagalan fungsi buah pinggang (Misurac *et al.*, 2013). Di samping itu juga harga ubat alopantik tidaklah murah (Silvanathan & Low, 2014), dan tidak semua golongan masyarakat di negara-negara membangun mampu membeli ubat-ubat ini. Kesukaran untuk mendapatkan ubat-ubat moden khususnya di kawasan luar bandar juga menjadi faktor penduduk di kawasan ini memilih rawatan perubatan tradisional (Chen, 1981).

Dengan demikian, pada hari ini, masyarakat dunia bolehlah menoleh ke belakang dan melihat semula tumbuh-tumbuhan atau herba yang boleh dijadikan ubat (Silvanathan & Low, 2014) kerana dianggap lebih alami dan lebih berkesan. Kepentingan tumbuhan herba dalam perubatan kini menjadi satu tarikan seluruh dunia

Kerana adanya desakan untuk kembali kepada penggunaan perubatan tradisional dan komplementari yang secara amnya melibatkan tumbuhan, maka ahli-ahli kimia sebatian semula jadi berlumba-lumba untuk mencari tumbuhan yang berpotensi ini. Kajian dijalankan dengan cepat dan paten-paten dimohon dengan segera. Sekiranya tidak ada pendokumentasian tentang kegunaan tumbuhan tertentu dalam perubatan tradisional suku kaum tertentu maka peluang mempertahankan hak-hak harta intelek (IPR) serta isu akses dan perkongsian keuntungan (ABS) menjadi sangat kecil. Ini dapat dilihat daripada kejayaan Perubatan China Tradisional (TCM) dan Ayuverda yang mampu mempertahankan pengetahuan mereka secara bertulis, sehingga sekaligus mempertahankan identiti bangsa Cina dan India.

1.2 Objektif kajian:

Kajian ini dilakukan untuk mencapai objektif berikut:

1. Mendokumentasi amalan-amalan dalam penjagaan dan perubatan tradisional Melayu untuk ibu-ibu selepas bersalin.
2. Mengumpul tumbuhan ubatan, mengenalpasti dan menyenaraikan tumbuhan ubatan yang digunakan dalam rawatan dan penjagaan tradisional Melayu bagi ibu selepas bersalin dan mendokumentasikan kaedah penggunaan tumbuhan tersebut.
3. Mengumpul dan menganalisis maklumat tentang bioaktiviti sebatian kimia tumbuhan ubatan melalui carian talian.

1.3 Kepentingan kajian

Untuk tujuan memelihara warisan pengetahuan tradisional daripada terus pupus dan untuk tujuan kegunaan generasi akan datang, menjadikan kajian ini suatu kajian yang penting. Dapatan kajian ini memastikan generasi akan datang mengetahui tentang amalan rawatan dan penjagaan tradisional Melayu bagi ibu-ibu selepas bersalin serta berpeluang merasai, mengalami dan mendapat faedah daripada pengalaman unik rawatan ini.

Melalui kajian ini juga, rawatan dan penjagaan tradisional Melayu bagi ibu selepas bersalin bukan sahaja dapat diperkenalkan kepada orang Melayu itu sendiri, malahan kepada bangsa lain di Malaysia dan serata dunia. Seiringan dengan kemajuan yang berlaku, perubatan tradisional Melayu dapat diketengahkan dan seterusnya dapat membuktikan bahawa bangsa Melayu sebenarnya kaya dengan ilmu yang tersimpan dalam pelbagai bentuk pendokumentasian.

Kajian ini juga penting kerana dapatan dan maklumat yang terkumpul berpotensi untuk memperkayakan maklumat yang boleh dijadikan rujukan kepada pelbagai pihak untuk tujuan pendidikan, penyelidikan dan industri. Seperkara lagi, segala maklumat yang telah dikumpulkan akan dapat dijadikan bahan asas kajian atau panduan untuk membolehkan langkah-langkah pengukuhan yang lebih baik dilakukan pada masa akan datang.

Daripada kajian ini juga dapat memberi gambaran terhadap kepentingan tumbuhan ubatan dalam penjagaan dan perubatan tradisional Melayu bagi ibu selepas bersalin. Ia memberi impak kesedaran untuk memelihara flora dan fauna bagi memastikan keseimbangan ekosistem. Pemeliharaan tumbuhan herba perlu dilakukan kerana masih terdapat banyak tumbuhan-tumbuhan ubatan di negara kita ini yang masih belum dikaji faedahnya secara saintifik. Tesis ini telah mendokumentasikan secara sistematik tumbuhan ubatan yang digunakan dalam penjagaan dan perawatan tradisional Melayu bagi ibu selepas bersalin. Adalah diharapkan lanjutan kajian ini dapat diteruskan dengan pemeliharaan tumbuhan ubatan tersebut.

Sehubungan itu, berdasarkan kepada peningkatan permintaan terhadap produk berasaskan tumbuhan ubatan atau herba, industri herba di negara kita dilihat berpotensi untuk berkembang dan berupaya untuk menjana ekonomi negara. Melalui kajian yang telah dijalankan diharapkan peluang ekonomi menjadi lebih terbuka terhadap produk-produk herba yang berpotensi untuk diketengahkan khususnya herba yang kurang diketahui umum tentang khasiatnya sebelum ini.

Melalui pendokumentasian maklumat ini penjagaan hak-hak harta intelek (IPR) bangsa Melayu akan lebih terjamin dan dijangka boleh membantu menyelesaikan isu-isu akses dan perkongsian keuntungan (ABS).

Selain itu, melalui pemeliharaan dan pemuliharaan pengetahuan tradisional Melayu dan sumber-sumber tumbuhan ubatan yang digunakan, identiti bangsa Melayu dapat dikekalkan. Justeru itu, pendokumentasian ini adalah penting bagi memastikan kelangsungan pengetahuan tradisional dan sumber ubatan alami, dimana dalam masa yang sama menjana keuntungan kepada pemilik ilmu dan negara.

1.4 Skop kajian

Kajian ini memberi tumpuan kepada pendokumentasian amalan dalam rawatan dan penjagaan tradisional Melayu selepas bersalin yang diamalkan oleh bangsa Melayu. Kawasan kajian berada di dalam lingkungan 100km bergaris pusat daripada Hospital Putrajaya merangkumi kawasan dari beberapa negeri di bahagian tengah Malaysia; Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka.

1.5 Batasan kajian

Kajian ini berbentuk kajian pendokumentasian yang dilaksanakan dengan beberapa batasan seperti berikut:

1. Responden kajian terdiri daripada mereka yang tinggal dalam lingkungan 100 km daripada Hospital Putrajaya dan dipilih berdasarkan kepada sampel bertujuan berpandukan senarai nama yang diperolehi dari Institut Penyelidikan Perubatan.
2. Bilangan responden terhadap kepada mereka yang dapat dihubungi dan dapat memberikan komitmen yang diharapkan dalam tempoh kajian. Calon-calon responden yang tertolak adalah mereka yang tidak dapat dihubungi ekoran daripada pertukaran nombor telefon, telah meninggal, telah berpindah atau gagal memberikan komitmen pada hari temu janji yang ditetapkan.
3. Maklumat yang dikumpulkan hanya merupakan maklumat yang sedia dikongsikan oleh responden secara suka rela dan sesetengah maklumat yang merupakan rahsia amalan tidak dikongsikan oleh responden dan tidak diambil kira.
4. Pengumpulan spesimen baucer hanya dilakukan hanya sekiranya tumbuhan tersebut terdapat di lokasi kajian dan hanya dikumpulkan setelah mendapat kebenaran daripada responden.

1.6 Definisi istilah operasi

Kajian ini dilakukan berdasarkan kepada definisi operasional berikut:

Melayu

Istilah Melayu merujuk kepada semua suku bangsa Melayu yang mendiami Semenanjung Malaysia termasuklah Minang, Jawa dan sebagainya, namun tidak termasuk bangsa Orang Asli.

Pemeliharaan

Penjagaan atau konservasi sesuatu secara tersusun bagi mengatasi dari berlaku sebarang kerosakkan atau kemusnahan.

Pemuliharaan

Memulihara, memulihkan serta memelihara, melindungi sesuatu supaya sentiasa berada dalam keadaan yang baik.

Tumbuhan ubatan

Tumbuhan yang digunakan bagi tujuan kesihatan dan kesejahteraan hidup termasuklah herba, pokok, rumpai, rumput dan sebagainya.

Herba

Jenis tumbuh-tumbuhan yang berbatang rendah dan tidak berteras (batang lembut) namun ia juga dirujuk sebagai tumbuhan ubatan.

Bab 2

Kajian Literatur

2.0 Pendahuluan

Dalam bab ini, lima tajuk utama akan disentuh iaitu (2.1) Rawatan dan penjagaan tradisional Melayu selepas bersalin; (2.2) Penggunaan herba dalam amalan perbidanan, (2.3) Penyakit, gejala, kesan-kesan sampingan selepas bersalin, (2.4) Perkembangan semasa dalam pengurusan selepas bersalin di Malaysia: Perubatan tradisional dan Komplementari (PT&K) dan (2.5) Kepentingan proses pendokumentasian pengetahuan tradisional dan isu-isu berkaitan dengannya.

2.1 Rawatan dan penjagaan tradisional Melayu selepas bersalin

Negara Malaysia yang terdiri daripada Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak mempunyai seramai 28.3 juta penduduk yang dibahagikan kepada empat kumpulan utama iaitu Bumiputera, Cina, India dan lain-lain. Bangsa Melayu termasuk di dalam kumpulan Bumiputera dan merupakan etnik utama di Semenanjung Malaysia iaitu mewakili sebanyak 63.1% penduduk di Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2012).

Terdapat pelbagai teori dan hujah mengenai asal usul bangsa Melayu (Zain, 2003). Ada yang berpendapat bahawa bangsa Melayu pada hari ini merupakan 'bangsa jadian' yang terbentuk daripada pengembangan identiti berasal daripada kalangan kerabat pengasas Kesultanan Melayu Melaka (Din, 2011). Namun dalam kalangan penulis-penulis kesemuanya bersetuju bahawa orang Melayu sekurang-kurangnya adalah berbangsa pribumi yang mendiami kawasan Asia Tenggara di mana kebanyakan dirujuk sebagai Gugusan Kepulauan Melayu (Zain, 2003). Gagasan ini juga telah ditakrifkan oleh Wallace berdasarkan tabii biodiversiti; termasuk Semenanjung Tanah Melayu sehingga Tanasserim dan Kepulauan Nicobar

di sebelah barat, Filipina di utara, dan kepulauan Solomon, di luar New Guinea disebelah timur (Wallace, 2008). Keunikan budaya Melayu dipengaruhi oleh tiga pengaruh penting; warisan animisme tradisional budaya timur Asia selatan secara tabii, pengaruh agama Hindu-Buddha melalui pedagang dan migrasi penduduk Cina dan India; serta pengaruh Islam yang dibawa oleh pedagang dan pendakwah di zaman kerajaan Melayu Melaka (Abdullah, Kim & Gabriel, 2005). Kedatangan Islam memberi kesan ketara dalam bidang perubatan tempatan apabila kebanyakan pembacaan mantera diganti atau dibaca bersama doa tertentu menurut agama Islam dalam perawatan tradisional. Lama-kelamaan budaya tersebut diadaptasi ke dalam amalan perawatan tempatan.

Umumnya rawatan dan penjagaan tradisional Melayu selepas bersalin telah bertahun-tahun diamalkan oleh bangsa Melayu di Malaysia. Malahan kajian menunjukkan kebanyakan wanita Melayu masih lagi mengamalkannya (Azidah *et al.* 2006). Seperti perawatan bangsa yang lain, perawatan tradisional Melayu juga terdiri daripada dua elemen utama iaitu mengubat menggunakan herba dan juga berkaitan dengan kepercayaan animisme yang melibatkan gangguan makhluk halus (Abdullah *et al.*, 2005). Menurut Riji (1999), perubatan tradisional Melayu ialah satu sistem budaya berasaskan kepercayaan, pengetahuan, dan amalan berkaitan dengan kesejahteraan kehidupan dalam komuniti. Ia merangkumi rawatan fizikal, pengambilan dan penggunaan herba, bacaan tertentu, pantang larang dan petua-petua (Jamal, Ghafar & Husain, 2011). Semua komponen ini adalah bertujuan untuk mencegah, merawat dan menjaga kesihatan.

Kepelbagaian kaum di Malaysia telah memperkayakan lagi amalan dan perawatan di negara ini. Amalan dalam rawatan dan penjagaan tradisional Melayu selepas bersalin merupakan satu cabang daripada perubatan tradisional Melayu dan bukanlah perkara asing dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Seperti masyarakat Orang Asli, ibu yang baru melahirkan perlu berendam di dalam air garam untuk suatu tempoh tertentu, kemudian ramuan herba kunyit (*Curcuma longa* L.) dan manjakani (*Quercus infectoria* G.Olivier) akan disapukan pada bahagian alat sulit (Barakbah, 2007). Manakala bagi bangsa Cina pula, penjagaan selepas bersalin dilakukan oleh 'Pui Yit'. Peranan Pui Yit adalah serupa dengan bidan. Ibu berbangsa Cina dilarang mandi atau membasuh rambut (Raven *et al.*, 2007) selama sebulan bagi mengelakkan kemasukan angin jahat ke dalam badan (Barakbah, 2007).

Menurut World Health Organization (WHO), tempoh lepas bersalin bermula lebih kurang 1 jam selepas keluarnya plasenta /uri (WHO, 1998). Bagi perubatan tradisional Melayu selepas bersalin, rawatan dan penjagaan akan bermula dari hari pertama bersalin sehingga sekurang-kurangnya selama 40 hari (Zamani, 2001). Tempoh ini juga dinamakan tempoh berpantang dan dipercayai bersamaan dengan tempoh ibu mengalami darah nifas atau lokia (Hishamshah *et al.*, 2011).

Menurut kepercayaan orang Melayu, sepanjang tempoh ini, ibu dan bayi terdedah kepada bahaya (Laderman, 1987), sama dengan kepercayaan kaum Hmong iaitu dalam tempoh bagi 30 hari terawal selepas bersalin (Rice, 2000). Oleh yang demikian, semasa tempoh berpantang, ibu perlu mengambil pelbagai langkah berjaga-berjaga melalui set amalan-amalan rawatan dan penjagaan Melayu selepas bersalin. Amalan-amalan ini akan dilakukan bersama bidan atau dengan panduan bidan. Bagi mendapatkan kesan yang maksimum, terdapat juga sebahagian bidan dan ibu yang mengamalkan berpantang sehingga hari yang ke 100 (Mohamed & Bidin, 2012).

2.1.1 Bidan

Bidan kampung yang juga dikenali sebagai mak bidan adalah wanita yang bertanggungjawab memberikan rawatan tradisional Melayu selepas bersalin. Bidan mempunyai peranan yang penting dalam rawatan dan penjagaan tradisional Melayu selepas bersalin (Hishamshah *et al.*, 2011). Menurut Karim (1984), bidan kampung yang professional bukan sahaja seorang yang berpengalaman tetapi juga adalah seorang yang mengamalkan ajaran agama Islam. Bagi menggambarkan status pentingnya wanita ini dalam komuniti Melayu, terdapat pepatah Melayu mengatakan “upah bidan pun tak berbayar” yang merujuk kepada anak-anak nakal yang menyusahkan ibu bapa (DBP, 2014).

Peranan bidan sebenarnya bukan sahaja memberi rawatan dan penjagaan selepas bersalin, tetapi bermula daripada merancang kehamilan sehingga selepas bersalin (Jamal, *et al.*, 2011). Chen (1975) telah menyenaraikan 15 pelbagai tugas bidan kampung. Antara tugas-tugas tersebut ialah merawat ibu sebelum dan selepas bersalin, merawat ibu, memandikan bayi dan memotong uri. Selain itu, bidan juga merupakan penasihat yang akan memberi panduan dan petua penjagaan diri dan

pemakanan (Ali & Howden-Chapmen, 2007; Hishamshah *et al.*, 2011). Walau bagaimanapun, kini bidan kampung tidak lagi menyambut kelahiran bayi seperti dahulu (Chen, 1975).

Melalui sentuhan jari dan tapak tangan, bidan yang berpengalaman dapat meramalkan kelahiran serta mengetahui kedudukan dan masalah bayi di dalam perut. Bagi ibu yang mengalami masalah seperti kedudukan bayi songsang, bidan akan cuba membetulkan kedudukan bayi dengan menggunakan kaedah urutan tertentu. Bidan akan membuat air selusuh menggunakan air kelapa dan dibacakan doa-doa tertentu (Akmal, 2006). Ibu yang sampai masa untuk bersalin akan disuruh minum air selusuh untuk memudahkan proses kelahiran. Selain itu, mak bidan juga berperanan sebagai bomoh atau dukun yang mempunyai keupayaan untuk mengubati penyakit serta melindungi ibu daripada gangguan makhluk halus (Karim, 1984).

Zamani (2001) telah menyenaraikan beberapa amalan utama dalam perawatan tradisonal Melayu selepas bersalin iaitu urutan, bertungku, berbarut atau berbengkung dan bersalai. Sebenarnya terdapat banyak lagi amalan yang diamalkan seperti berdiang, pemakaian param dan pilis, mandi herba, meminum jamu, dan sebagainya (Barakbah, 2007; Hasan, 2007).

2.1.2 Amalan lazim dalam rawatan dan penjagaan tradisonal Melayu selepas bersalin

Kepelbagaian etnik dalam rumpun bangsa Melayu sendiri seperti Minang, Jawa, Melayu Kelantan telah memperkayakan lagi budaya amalan bangsa Melayu. Oleh yang demikian, amalan-amalan yang lazim dalam perawatan tradisonal Melayu selepas bersalin turut dipengaruhi oleh faktor budaya yang diamalkan di sesuatu kawasan. Walau bagaimanapun, amalan-amalan ini mempunyai tujuan yang sama iaitu untuk memulihkan, menjaga kesihatan ibu selepas bersalin serta mencegah sebarang masalah kesihatan di masa akan datang (Ali, & Howden-Chapmen, 2007).

2.1.2.1 Urutan Melayu selepas bersalin

Urutan merupakan amalan asas yang terdapat dalam set rawatan dan penjagaan tradisonal Melayu selepas ibu bersalin. Berurut bertujuan untuk melancarkan

peredaran darah, membantu pengeluaran darah (Mori *et al.*, 2004), angin dan lendir kotor (Barakbah, 2007). Urutan juga dapat membantu menghasilkan susu yang lebih berkualiti (Foda, 2004). Selain daripada itu, melalui kaedah urutan yang betul, secara tidak langsung, dapat menenangkan emosi, menghilangkan rasa lesu dan mengendurkan otot yang tegang (Barakbah, 2007). Lazimnya, bahan asas yang digunakan untuk mengurut diperbuat daripada minyak kelapa yang dimasak dengan campuran herba dan akar kayu dan berfungsi sebagai pelincir (Vickers & Zollman, 1999).

Kajian Othman, Farooqui & Lamin (2013) yang melibatkan seramai 195 pesakit yang datang mendapatkan rawatanurut Melayu untuk sakit pinggang, telah menunjukkan rasa sakit semakin berkurangan dan urutan yang dilakukan telah dapat meningkatkan keupayaan fizikal mereka. Selain itu, melalui urutan juga boleh meningkatkan kuantiti plasma oksitosin di dalam susu ibu (Yokoyama *et al.*, 1994)

2.1.2.2 Bertungku

Bertungku adalah suatu bentuk urutan pada bahagian luar sekitar kawasan peranakan dengan menggunakan pemberat seperti batu sungai atau besi yang mempunyai permukaan licin dan berbentuk rata atau bulat (Azidah, *et al.* 2006). Rajah 2.1 dan Rajah 2.2 adalah contoh batu sungai dan tungku besi yang digunakan sebagai alat bertungku.



Rajah 2.1: Tungku batu sungai



Rajah 2.2: Tungku besi pelbagai saiz

Menurut Hamid (2003), pemberat yang dipanaskan akan dibalut dengan kain tebal yang dilapis dengan daun herba tertentu seperti daun mengkudu (*Morinda citrifolia* L.), daun lemuni (*Vitex trifolia* L.) atau sireh (*Piper betle* L.). Kemudian

pemberat akan dituam perlahan-lahan pada bahagian tertentu tubuh. Amalan ini dipercayai dapat membantu penyembuhan uterus, memecahkan lemak, mencantikkan kulit perut, membantu pengaliran darah, membuang angin, serta mempercepatkan penyembuhan (Hasan, 2007).

2.1.2.3 Berbengkung

Semasa hamil, perut ibu akan mengembang dan tegang akibat memberi ruang kepada tumbesaran bayi dan setelah menjalani proses kelahiran, perut ibu yang mengembang akan jadi menggelembir dan lembik. Bagi mendapatkan semula bentuk tubuh yang ramping, bengkung akan dipakai sepanjang tempoh berpantang. Terdapat beberapa jenis bengkung yang digunakan iaitu bengkung roda, bengkung tali kasut, dan juga bengkung Jawa (Barakbah, 2007). Bengkung roda dan bengkung tali kasut lazimnya diperbuat daripada kain tebal dan mempunyai tali untuk mengikat bengkung dengan kuat dan kemas. Bengkung Jawa pula berupa kain panjang yang dililitkan pada perut ibu. Rajah 2.3 dan Rajah 2.4 menunjukkan bengkung roda dan bengkung tali kasut.



Rajah 2.3: Bengkung roda



Rajah 2.4: Bengkung tali kasut

Bidan kampung akan memakaikan bengkung pada ibu untuk beberapa hari awal selepas bersalin dan kemudian akan memberi tunjuk ajar tentang kaedah pemakaian yang betul untuk diaplikasikan sendiri oleh si ibu sepanjang tempoh berpantang. Sebelum ibu dipakaikan bengkung, ramuan herba yang disebut tapel, disapu pada perut. Tapel atau tepal berfungsi untuk menambah kesan penggunaan bengkung iaitu mengempiskan perut. Hasan (2007) menjelaskan bahawa antara ramuan yang sering digunakan untuk membuat tapel adalah jus limau nipis (*Citrus aurantifolia* (Christm.)Swingle) atau jus asam jawa (*Tamarindus indica* L.), halia (*Zingiber officinale* Roscoe) (Zamani, 2001), kunyit hidup (*Cucurma longa* L.), daun sireh (*Piper betel* L.), dan bawang putih (*Allium sativum* L.).

2.1.2.4 Bersalai, berdiang dan bertangas

Bersalai merupakan salah satu amalan dalam perawatan tradisional Melayu selepas bersalin. Bara arang atau kayu diletakkan di bawah katil kayu tanpa tilam. Ibu akan disuruh berbaring di atas katil tersebut. Haba daripada bara tersebut akan menghangatkan tubuh ibu. Amalan ini dipercayai dapat melegakan dan mengurangkan rasa sakit dan meningkatkan keupayaan fizikal (Othman, Farooqui & Lamin, 2013). Manakala dalam amalan berdiang pula, ibu akan berbaring di atas lantai dalam posisi mengiring dan membelakangkan bara yang diletakkan berdekatan

dengan ibu. Walaupun terdapat sedikit perbezaan antara bersalai dan berdiang, namun kedua rawatan tersebut menggunakan haba untuk proses pemulihan.

Bertangas juga menggunakan konsep haba seperti bersalai tetapi dikhususkan untuk merawat kawasan faraj. Bertangas terbahagi kepada dua jenis; kering dan basah. Tangas kering menggunakan haba daripada bara arang atau kemenyan yang dibakar manakala tangas basah menggunakan wap air rebusan herba. Rajah 2.5 adalah dua jenis kemenyan yang digunakan dalam amalan bertangas.



Rajah 2.5: Keményan Arab (kiri) dan kemenyan biasa (kanan)

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2015), bertangas ialah “memanaskan badan (dengan wap), mandi dengan wap (supaya berkeringat); menangas mengasapi dengan wap, mengewapi, mengukus”.

Cara bertangas ialah tangas akan diletakkan di bawah bangku berlubang dan si ibu akan diminta duduk di atas bangku tersebut bagi memastikan haba mengenai bahagian faraj. Amalan bertangas ini bertujuan untuk merangsang perpeluhan atau detoksifikasi, membantu proses pengecutan dan pemulihan alat sulit dan saluran peranakan.

2.1.2.5 Mandi daun

Mandi daun bertujuan untuk membersihkan tubuh, menyegarkan dan menghilangkan bau badan (Jamal, *et al.*, 2011). Bagi ibu lepas bersalin, mereka akan mandi menggunakan air rebusan tumbuhan ubatan tertentu yang mempunyai bau yang wangi serta dipercayai mempunyai kuasa magis yang boleh ditakuti oleh hantu (Mohamed & Bidin, 2012). Antara herba-herba yang digunakan sebagai ramuan air mandian ialah jerangau (*Acorus calamus* L.), limau nipis (*Citrus aurantifolia* (Christm. Swingle), daun jambu batu (*Psidium guajava* L.) dan daun pandan (*Pandanus amaryllifolius* Roxb.). Air mandian akan direbus dengan tumbuhan-tumbuhan ubatan. Kemudian, air tersebut dicampurkan dengan air sejuk sebelum mandi.

2.1.2.6 Pantang larang

Semasa dalam tempoh berpantang iaitu selama 44 hari selepas bersalin, ibu bukan sahaja perlu mendapatkan rawatan daripada bidan. Ibu juga perlu mengamalkan pantang larang tertentu yang merangkumi perkara yang perlu dilakukan dan juga dilarang untuk dilakukan. Pantang larang ini terhasil berdasarkan pengalaman-pengalaman orang terdahulu yang diperturunkan secara lisan dalam kiasan. Menurut Johan (2006), pantang larang terhasil daripada kejadian spontan yang berlaku atau dicipta sebagai mekanisme untuk mengatasi masalah yang dihadapi. Tidak kira sama ada di bandar atau di kawasan kampung (Mahmud, Shariff & Yaacob, 2002), ianya masih lagi diamalkan oleh komuniti Melayu (Azidah *et al.*, 2006).

Mengikut amalan bangsa Melayu, ibu dalam tempoh berpantang perlu mengelak atau tidak dibenarkan langsung mengambil makanan tertentu. Ibu yang berada dalam tempoh berpantang digalakkan memakan makanan berunsur 'panas' (Mohamed & Bidin, 2012) dan dilarang memakan makanan berunsur 'sejuk' (Jamaludin, 2014). Menurut Jamaludin (2014), pengelasan makanan berunsur 'sejuk' dan 'panas' boleh diramal berdasarkan nilai nutrisi yang mana makanan berunsur sejuk lebih kepada makanan yang mempunyai kandungan air yang banyak, kurang protein, rendah lemak, rendah karbohidrat, dan rendah kalori. Menurut beliau lagi, kebanyakan sayur dan buah-buahan adalah berunsur sejuk. Makanan jenis ini

boleh merendahkan metabolisme yang boleh merendahkan suhu badan ibu (Hasan, 2007). Selain itu, ibu juga dilarang memakan makanan yang boleh menyebabkan kegatalan seperti makanan laut dan makanan daripada sumber laut seperti belacan.

Semasa tempoh berpantang, ibu mestilah menjaga tingkah laku mereka. Pelbagai larangan dan panduan yang perlu mereka patuhi seperti tidak boleh melakukan aktiviti-aktiviti fizikal yang keterlaluan kerana tubuh mereka masih belum sembuh sepenuhnya. Antara aktiviti fizikal yang tidak dibenarkan ialah seperti membuat kerja-kerja rutin di rumah seperti membersihkan atau memasak, keluar rumah, melakukan hubungan kelamin dengan suami (Mahmud, Shariff & Yaacob, 2002) dan sebagainya.

Panduan dan nasihat pantang larang pemakanan mahupun tingkah laku ini akan diajar oleh bidan dan dipraktikkan sendiri oleh ibu yang bersalin dengan pemantauan daripada ahli keluarga. Ini jelas menunjukkan bahawa peranan mak bidan diiktiraf oleh komuniti Melayu sehingga dijadikan peribahasa “Jikalau beranak ikut kata bidan” yang menyarankan agar kita menuruti nasihat orang yang lebih ahli daripada kita (DBP, 2015). Di sini, bidan telah dilihat sebagai seorang yang berilmu dalam bidang perbidanan.

2.2 Penggunaan tumbuhan ubatan dalam amalan perbidanan

Menurut WHO (2000), herba merangkumi bahan-bahan mentah tumbuhan seperti daun, bunga, buah-buahan, biji, batang, kayu, kulit kayu, akar rizom atau bahagian tumbuhan yang lain. Ia boleh merujuk kepada keseluruhan bahagian tumbuhan, beberapa bahagian tumbuhan tertentu sahaja atau dalam bentuk serbuk. Herba atau disebut juga sebagai tumbuhan ubatan, merupakan bahan yang digunakan dalam penjagaan kesihatan terawal, yang mana ia diamalkan sejak berkurun-kurun lamanya. Bukti-bukti telah menunjukkan bahawa ianya telah digunakan dalam pelbagai perubatan tradisional tidak kurang dari 5000 tahun yang lalu (Goldman, 2001). Malahan pada kurun yang lalu, menurut Vickers & Zollman (2001), kebanyakan dadah yang berkesan dalam perubatan alopantik adalah berasaskan tumbuhan seperti morfin (yang berasal daripada pokok poppy) dan aspirin (diperbuat daripada batang pokok *Salix* sp.). Namun perubatan moden atau alopantik lebih

menekankan kepada kesan bioaktiviti herba ke atas sistem tubuh tertentu seperti sebagai agen anti inflamasi dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, dalam amalan perubatan alopantik, herba digunakan dalam bentuk ekstrak tumbuhan manakala dalam amalan perubatan tradisional pula, tumbuhan dalam bentuk asal digunakan iaitu tumbuhan tersebut tidak ditulenkan melalui proses pengekstrakan. Selain itu, dalam perubatan tradisional, pengamalannya cenderung mencampurkan beberapa jenis herba dalam satu ramuan kerana mereka percaya campuran herba tersebut dapat menambah kesan rawatan yang lebih baik (Vickers *et al.*, 2001). Justeru itu, terdapat banyak produk-produk herba yang dihasilkan menggunakan campuran pelbagai tumbuhan ubatan.

Herba yang digunakan dalam air mandian dipercayai berfungsi untuk memberi tenaga dan rasa kesegaran kepada si ibu. Tumbuhan ubatan juga dimasak dengan minyak kelapa untuk dijadikan minyak urut, diproses menjadi pilis dan param untuk disapu ke bahagian tertentu pada tubuh si ibu. Pengambilan herba dalam bentuk cecair seperti jamu dan ubat periuk (juga dipanggil air periuk) pula bertujuan membantu mengecutkan peranakan dari dalam (Yusoff *et al.*, 2011). Rajah 2.6 menunjukkan amalan pemakaian pilis dan Rajah 2.7 pula menunjukkan param yang belum dibancuh.



Rajah 2.6: Amalan pemakaian pilis



Rajah 2.7: Param yang belum dibancuh

Perubatan herba merupakan perubatan tradisional dan komplementari yang lazim digunakan di Malaysia (Silvanathan & Low, 2014). Dalam rawatan dan penjagaan tradisional Melayu selepas bersalin juga, tumbuhan ubatan tidak dapat dipisahkan. Ia merupakan ramuan utama yang digunakan dalam ramuan mandian ibu dan bayi, ramuan sapuan (ubatan secara luaran) sebagai ubat-ubatan yang dimakan atau diminum sebagai minuman tenaga atau dimakan sebagai lauk pauk (ubatan dalaman).

Kini, telah banyak kajian dilakukan ke atas tumbuhan herba dan telah membuktikan bahawa tumbuhan tempatan memang mempunyai kesan terapeutik. Sebagai contoh, batang serai wangi (*Cymbopogon nardus* (L.) Rendle) yang digunakan sebagai ramuan air mandian (Yaacob, Kadir & Hasan, 2009) mengandungi bioaktiviti antimikrobial (Wei & Wee, 2013). Daun mengkudu (*Morinda citrifolia* L.) pula mempunyai ciri-ciri aktiviti anti oksidan, anti mikrobial, hipotensif, kesan analgesik dan pengenduran otot rahim dan anti serangga (Jawatankuasa Monograf Herba Malaysia, 2010) dan halia (*Zingiber officinale* Roscoe) pula mengandungi kesan antibakteria (MHM Committee, 2013).

Aktiviti anti mikrobial adalah bersifat membunuh atau merencat pertumbuhan mikroorganisma yang menyebabkan penyakit seperti bakteria, kulat dan protozoa. Manakala antioksidan pula merupakan zat yang mampu melambat atau mencegah proses oksidasi. Selain daripada aktiviti anti mikrobial dan antioksidan, terdapat banyak lagi bioaktiviti tumbuhan yang telah dikaji dan ditemui berpotensi digunakan dalam bidang kesihatan. Bioaktiviti-bioaktiviti ini berlaku apabila sebatian-sebatian kimia tertentu yang terdapat dalam tumbuhan tersebut melalui proses-proses penyediaan dan campuran tertentu seperti direbus dan sebagainya.

Menyedari potensi dan kepentingan tumbuhan ubatan terhadap ekonomi negara, bermula tahun 1985, Malaysia telah mengambil inisiatif untuk memperuntukkan pembiayaan bagi kajian-kajian tertentu melalui *Program Intensified Research in Priority Areas* (IRPA) untuk membangunkan kajian dalam bidang herba (Jamal, 2006). Malahan kini, Program Transformasi Ekonomi (ETP) bagi bidang pertanian Projek Penggerak Ekonomi 1 (EPP1) telah dibangunkan bertujuan untuk meningkatkan kualiti produk dan pemasaran makanan tambahan atau ubat berasaskan herba. Projek-projek dibawah program EPP1 memastikan terdapat bekalan bahan-bahan mentah untuk dibuat penyelidikan dan pembangunan, dan ujian klinikal sebelum dikomersialkan (PEMANDU, 2014).

Sehingga kini EPP1, menurut Ghazali (2013) memberi tumpuan kepada 11 tumbuhan ubatan iaitu pokok Tongkat Ali (*Eurycoma longifolia* Jack), Kacip Fatimah (*Marantodes pumilum* (Blume) Kuntze), Misai Kucing (*Orthosiphon aristatus* (Blume) Miq.), Dukong Anak (*Phyllanthus niruri* L.), Hempedu Bumi (*Andrographis paniculata* (Burm.f.) Nees), Mengkudu (*Morinda citrifolia* L.), Roselle (*Hibiscus sabdariffa* L.), Halia (*Zingiber officinale* Roscoe), Mas Cotek (*Ficus deltoidea* Jack), Pegaga (*Centella asiatica* (L.) Urb.) dan Belalai Gajah (*Clinacanthus nutans* (Burm.f.) Lindau). Kajian dan pembangunan herba ini turut melibatkan syarikat-syarikat dalam industri herba. Walaupun banyak kajian mengenai herba sedang dan telah dibuat, namun sehingga kini kajian-kajian klinikal masih kurang dilaksanakan kerana kajian begitu memerlukan peruntukan kewangan yang besar (PEMANDU, 2014).

Kajian-kajian klinikal untuk mengesan kualiti elemen perubatan adalah penting untuk mengkaji potensi tumbuhan ubatan yang terdapat di negara kita serta menjamin keberkesanan dan keselamatan penggunaannya. Kaedah pengurusan tumbuhan ubatan yang tidak betul boleh memberi kesan negatif kepada kualiti

RUJUKAN

- Abbas, R. Z., Iqbal, Z., Khan, M. N., Zafar, M. A., & Zia, M. A. (2010). Anticoccidial activity of *Curcuma longa* L. in broilers. *Brazilian Archives of Biology and Technology*, 53(1), 63-67.
- Abdullah, M. D. T., Kim, K. K. & Gabriel, S. (2005). The history of Medicine in Malaysia – the foundation years. Academy of Medicine of Malaysia.
- Abena, A. A., Gbenou, J. D., Yayi, E., Moudachirou, M., Ongoka, R., Ouamba, J. M., & Silou, T. (2007). Comparative chemical and analgesic properties of essential oils of *Cymbopogon nardus* (L) Rendle of Benin and Congo. *African Journal of Traditional, Complementary and Alternative Medicines*, 4(3), 267-272.
- Abili, K., Thani, F. N., Mokhtarian, F., & Rashidi, M. M. (2011). The role of effective factors on organizational knowledge sharing. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 29, 1701-1706.
- Abuduli, M., Ezat, A. & Aljunid, S. (2011). Role of complementary medicine in universal coverage. *Malaysian Journal of Public Health Medicine*, 11(2), 1-5.
- Abukakar, M. G., Ukwuani, A. N., & Shehu, R. A. (2008). Phytochemical screening and antibacterial activity of *Tamarindus indica* pulp extract. *Asian Journal of Biochemistry*, 3(2), 134-138.
- Abulyazid, I., Mahdy, E. M., & Ahmed, R. M. (2013). Biochemical study for the effect of henna (*Lawsonia inermis*) on *Escherichia coli*. *Arabian Journal of Chemistry*, 6(3), 265-273.
- Acele, E.Ö. & Karaçam, Z. (2012). Sexual problems in women during the first postpartum year and related conditions. *Journal of Clinical Nursing*, 21(7/8), 929.
- Adetuyi, F. O., & Dada, I. B. O. Nutritional, Zn bioavailability and antioxidant properties of water leaf (*Talinum triangulare*) mucilage. Dicapai pada April, 28, 2015 dari: <http://www.tropentag.de/2012/abstracts/full/333.pdf>
- Adnan, N. & Othman, N. (2012). The relationship between plants and the Malay culture. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 42, 231 – 241.

- AĞAOĞLU, S., Dostbil, N., & Alemdar, S. (2005). Antimicrobial effect of seed extract of cardamom (*Elettaria cardamomum* Maton). *Ankara Universitesi Veteriner Fakultesi Dergisi*, 16(2), 99-101.
- Agarwal, G., Pradeep, P. V., Aggarwal, V., Yip, C. H., & Cheung, P. S. (2007). Spectrum of breast cancer in Asian women. *World journal of surgery*, 31(5), 1031-1040.
- Ahmad, F. B. & Ismail, G. (2003). Medicinal plants used by Kadazandusun communities around crocker range. ASEAN Review of Biodiversity and Environmental Conservation (ARBEC). Dicapai pada Mac 13, 2015, dari: http://kdca.org.my/wp-content/files/medicinal_crangle.pdf
- Akmal, A. (2006). *Bidan dan bomoh*. Petaling Jaya: Edu Tech Publisher.
- Al-Amin, Z. M., Thomson, M., Al-Qattan, K. K., Peltonen-Shalaby, R., & Ali, M. (2006). Anti-diabetic and hypolipidaemic properties of ginger (*Zingiber officinale*) in streptozotocin-induced diabetic rats. *British Journal of Nutrition*, 96(04), 660-666.
- Akter, A., Neela, F. A., Khan, M. S. I., Islam, M. S., & Alam, M. F. (2010). Screening of ethanol, petroleum ether and chloroform extracts of medicinal plants, *Lawsonia inermis* L. and *Mimosa pudica* L. for antibacterial activity. *Indian Journal of Pharmaceutical Sciences*, 72(3), 388.
- Al-Mariri, A., Saour, G., & Hamou, R. (2012). *In vitro* antibacterial effects of five volatile oil extracts against intramacrophage *Brucella abortus* 544. *Iranian Journal of Medical Sciences*, 37(2), 119.
- Al-Sayegh, N. A., George, S. E., Boninger, M. L., Rogers, J. C., Whitney, S. L., & Delitto, A. (2010). Spinal mobilization of postpartum low back and pelvic girdle pain: an evidence-based clinical rule for predicting responders and nonresponders. *American Academy of Physical Medicine and Rehabilitation*, 2(11), 995-1005.
- Ali, A. & Howden-Chapman, P. (2007). Maternity services and role of the traditional birth attendant, bidan kampung, in rural Malaysia. *Journal of Public Health Management and Practice*, 13(3), 278-286.
- Ali, I., Khan, F. G., Suri, K. A., Gupta, B. D., Satti, N. K., Dutt, P., Afrin, F.A., Qazi G. N. & Khan, I. A. (2010). *In vitro* antifungal activity of hydroxychavicol isolated from *Piper betle* L. *Annals of Clinical Microbiology and Antimicrobials*, 9(7), 1-9.

- Ali-Shtayeh, M. S., Jamous, R. M., & Jamous, R. M. (2015). Plants used during pregnancy, childbirth, postpartum and infant healthcare in Palestine. *Complementary Therapies in Clinical Practice*, 21(2), 84-93.
- Alnajjar, Z. A. A., Abdulla, M. A., Ali, H. M., Alshawsh, M. A., & Hadi, A. H. A. (2012). Acute toxicity evaluation, antibacterial, antioxidant and immunomodulatory effects of *Melastoma malabathricum*. *Molecules*, 17(3), 3547-3559.
- Amir, L. H., Garland, S. M., & Lumley, J. (2006). A case-control study of mastitis: nasal carriage of *Staphylococcus aureus*. *BMC Family Practice*, 7(1), 57.
- Ammar, N. M., Singab, A. N. B., Ahmady, S. H., Anssary, A. A., Haggag, E. G., & Shabban, R. S. (2010). Phytochemical and biological studies of some polysaccharides isolated from *Aloe*, *Tamarindus*, *Opuntia* and *Citrus*. *Journal of the Arab Society for Medical Researches*, 5(2), 141-152.
- Amran, A. A., Zakaria, Z., Othman, F., & Morat, O. (2010). Effect of *Garcinia atroviridis* on oxidative stress and atherosclerotic changes in experimental guinea pigs. *American Journal of Pharmacology and Toxicology*, 5, 65-70.
- Amran, A. A., Zakaria, Z., Othman, F., Das, S., Raj, S., & Nordin, N. A. M. (2010). Aqueous extract of *Piper sarmentosum* decreases atherosclerotic lesions in high cholesterolemic experimental rabbits. *Lipids in health and disease*, 9(1), 44.
- Amran, A. A., Zaiton, Z., Faizah, O., & Morat, P. (2009). Effects of *Garcinia atroviridis* on serum profiles and atherosclerotic lesions in the aorta of guinea pigs fed a high cholesterol diet. *Singapore Medical Journal*, 50(3), 295.
- Aniza, I., Aidalina, M., Nirmalini, R., Inggit, M., & Ajeng, T. (2009). Health tourism in Malaysia: the strength and weaknesses. *Journal of Community Health*, 15(1), 7-15.
- Ang, H. I. H., Lee, E. L. & Matsumoto, K. (2003). Analysis of lead content in herbal preparations in Malaysia. *Human & Experimental Toxicology*, 22, 445 – 451.
- Aqil, F., Ahmad, I., & Mehmood, Z. (2006). Antioxidant and free radical scavenging properties of twelve traditionally used Indian medicinal plants. *Turkish Journal of Biology*, 30(3), 177-183.
- Arambewela, L. S. R., Arawwawala, L. D. A. M., & Ratnasooriya, W. D. (2005). Antidiabetic activities of aqueous and ethanolic extracts of *Piper betle* leaves in rats. *Journal of Ethnopharmacology*, 102(2), 239-245.

- Aravind, S. R., Joseph, M. M., Varghese, S., Balaram, P., & Sreelekha, T. T. (2012). Antitumor and immunopotentiating activity of polysaccharide PST001 isolated from the seed kernel of *Tamarindus indica*: an *in vivo* study in mice. *The Scientific World Journal*, 2012.
- Arima, H., & Danno, G. I. (2002). Isolation of antimicrobial compounds from guava (*Psidium guajava* L.) and their structural elucidation. *Bioscience, Biotechnology and Biochemistry*, 66(8), 1727-1730.
- Aroonrerk, N. & Kamkaen, N. (2009). Anti-inflammatory activity of *Quercus infectoria*, *Glycyrrhiza uralensis*, *Kaempferia galangal* and *Coptis chinensis*, the main components of Thai herbal remedies for aphthous ulcer. *Journal of Health Research*, 23(1), 17-22.
- Ashawat, M. S., Shailendra, S., & Swarnlata, S. (2007). *In vitro* antioxidant activity of ethanolic extracts of *Centella asiatica*, *Punica granatum*, *Glycyrrhiza glabra* and *Areca catechu*. *Research Journal of Medicinal Plant*, 1(1), 13-16.
- Asnaashari, S., Delazar, A., Habibi, B., Vasfi, R., Nahar, L., Hamedeyazdan, S., & Sarker, S. D. (2010). Essential Oil from *Citrus aurantifolia* prevents ketotifen-induced weight-gain in mice. *Phytotherapy Research*, 24(12), 1893-1897.
- Atiax, E., Ahmad, F., Sirat, H. M., & Arbain, D. (2010). Antibacterial activity and cytotoxicity screening of Sumatran Kaduk (*Piper sarmentosum* Roxb). *Iranian Journal of Pharmacology & Therapeutics*, 10(1), 1-5.
- Azidah, A. K., et al. (2006). Postnatal depression and socio-cultural practices among postnatal mothers in Kota Bahru, Kelantan. *Malaysia. Medical Journal of Malaysia*, 61(1), 76 – 83.
- Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (BPTK). (2011). *A handbook of traditional and complementary Medicine Programme in Malaysia*. Kuala Lumpur; BPTK.
- Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (BPTK), KKM. (2006). *Buletin BPTK*, 1(1), Sept – Dec 2006.
- Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari. Hospital integrasi. Dicapai pada Oktober, 8, 2011, dari: http://tcm.moh.gov.my/v4/bmelayu/modules/mastop_publish/?tac=5.

- Bairagi, G.B., Kabra, A. O., & Mandade, R. J. (2011). Anthelmintic activity of *Lawsonia inermis* L. leaves in Indian adult earthworm. *International Journal of Research in Pharmaceutical and Biomedical Sciences*, 2(1), 237 - 240.
- Banerjee, S., Panda, C. K., & Das, S. (2006). Clove (*Syzygium aromaticum* L.), a potential chemopreventive agent for lung cancer. *Carcinogenesis*, 27(8), 1645-1654.
- Barakbah, A. (2007). *Ensiklopedia perbidanan Melayu: sebuah perbendaharaan ilmu perubatan dan penjagaan kesihatan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd.
- Bastiaanssen, J. M., de Bie, R. A., Bastiaenen, C. H., Essed, G. G., & van den Brandt, P. A. (2005). A historical perspective on pregnancy-related low back and/or pelvic girdle pain. *European Journal of Obstetrics & Gynecology and Reproductive Biology*, 120(1), 3-14.
- Beales, D., Hope, J. B., Hoff, T. S., Sandvik, H., Wergeland, O., & Fary, R. (2015). Current practice in management of pelvic girdle pain amongst physiotherapists in Norway and Australia. *Manual therapy*, 20(1), 109-116.
- Benkeblia, N. (2004). Antimicrobial activity of essential oil extracts of various onions (*Allium cepa*) and garlic (*Allium sativum*). *LWT-Food Science and Technology*, 37(2), 263-268.
- Bernard, H. R. (2002). *Research methods in antropology qualitative methods*. 3rd Edition. California. AltaMira Press.
- Betancur-Galvis, L. A., Morales, G. E., Forero, J. E., & Somchit, Roldan, J. (2002). Cytotoxic and antiviral activities of Colombian medicinal plant extracts of the *Euphorbia* genus. *Memórias do Instituto Oswaldo Cruz*, 97(4), 541-546.
- Bhadoriya, S. S., Mishra, V., Raut, S., Ganeshpurkar, A., & Jain, S. K. (2012). Anti-inflammatory and antinociceptive activities of a hydroethanolic extract of *Tamarindus indica* leaves. *Scientia pharmaceutica*, 80(3), 685.
- Bhamarapravati, S., Juthapruth, S., Mahachai, W., & Mahady, G. (2006). Antibacterial activity of *Boesenbergia rotunda* (L.) Mansf. and *Myristica fragrans* Houtt. against *Helicobacter pylori*. *Songklanakarin Journal of Science and Technology*, 28(1), 157-163.
- Birkenberg, A., Hilscher, M., & Manoharan, D. (2009). Medicinal Plant Knowledge Among Black Lahu People in Huai Hia Village, Pang Ma Pha District, Mae Hong Song Province, Thailand. Univ. Hohenheim.

- Block, G., Dietrich, M., Norkus, E. P., Morrow, J. D., Hudes, M., Caan, B., & Packer, L. (2002). Factors associated with oxidative stress in human populations. *American Journal of Epidemiology*, *156*(3), 274-285.
- Borlinghaus, J., Albrecht, F., Gruhlke, M. C., Nwachukwu, I. D., & Slusarenko, A. J. (2014). Allicin: chemistry and biological properties. *Molecules*, *19*(8), 12591-12618.
- Burns, D. N., Tuomala, R., Chang, B. H., Hershov, R., Minkoff, H., Rodriguez, E., Zorilla, C., Hammil, H., & Regan, J. (1997). Vaginal colonization or infection with *Candida albicans* in human immunodeficiency virus-infected women during pregnancy and during the postpartum period. *Clinical Infectious Diseases*, *24*(2), 201-210.
- Burt, S. A., & Reinders, R. D. (2003). Antibacterial activity of selected plant essential oils against *Escherichia coli* O157: H7. *Letters in Applied microbiology*, *36*(3), 162-167.
- Buurman, M. B. R., & Lagro-Janssen, A. L. M. (2013). Women's perception of postpartum pelvic floor dysfunction and their help-seeking behaviour: a qualitative interview study. *Scandinavian Journal of Caring Sciences*, *27*(2), 406-413.
- Calixto, J. B. (2000). Efficacy, safety, quality control, marketing and regulatory guidelines for herbal medicines (phytotherapeutic agents). *Brazilian Journal of Medical and Biological Research*, *33*, 179 – 189.
- Caluwé, D. E., Halamová, K., & Van Damme, P. (2010). *Tamarindus indica* L.: a review of traditional uses, phytochemistry and pharmacology. *Africa Fokus*, *23*(Nr1), 53 – 83.
- Cannard, G. (1996). The effect of aromatherapy in promoting relaxation and stress reduction in a general hospital. *Complementary Therapies in Nursing and Midwifery*, *2*(2), 38-40.
- Carter, R., Bryson, C. T., & Darbyshire, S. J. (2007). Preparation and use of voucher specimens for documenting research in weed science. *Weed Technology*, *21*(4), 1101-1108.
- Chaim, W., Bashiri, A., Bar-David, J., Shoham-Vardi, I., & Mazor, M. (2000). Prevalence and clinical significance of postpartum endometritis and wound infection. *Infectious Diseases in Obstetrics and Gynecology*, *8*(2), 77-82.

- Chakraborty, R., Biplab, D., Devanna, N., & Sen, S. (2012). Antiinflammatory, antinociceptive and antioxidant activities of *Phyllanthus acidus* L. extracts. *Asian Pacific Journal of Tropical Biomedicine*, 2(2), S953-S961.
- Chan, E. W., Lim, Y. Y., & Tan, S. P. (2011). Standardised herbal extract of chlorogenic acid from leaves of *Etilingera elatior* (Zingiberaceae). *Pharmacognosy research*, 3(3), 178.
- Chanthaphon, S., Chanthachum, S., & Hongpattarakere, T. (2008). Antimicrobial activities of essential oils and crude extracts from tropical *Citrus spp.* against food-related microorganisms. *Sonklanakarin Journal of Science and Technology*, 30(1), 125.
- Chaudhary, G., Goyal, S., & Poonia, P. (2010). *Lawsonia inermis* Linnaeus: A phytopharmacological review. *International Journal of Pharmaceutical Sciences and Drug Research*, 2(2), 91-98.
- Chaurasia A, Tyagi K. (2013). Persistent postpartum urinary retention following vaginal delivery: a rare complication in obstetrics practice. *International Journal of Reproduction, Contraception, Obstetrics and Gynecology*, 2(3), 475 - 477.
- Chen, P. C. Y. (1981). Traditional and modern medicine in Malaysia. *Social Science and Medicine*, 15A, 127 – 136.
- Chen, P. C. Y. (1967). Medical sytem in Malaysia: cultural bases and differential use. *Social Science and Medicine*, 19, 171- 180.
- Chen, P. C. Y. (1975). *Midwifery service in a rural Malay community*. Universiti of Malaya, Malaysia. Tesis degree.
- Chien, T. Y., Chen, L. G., Lee, C. J., Lee, F. Y., & Wang, C. C. (2008). Anti-inflammatory constituents of *Zingiber zerumbet*. *Food Chemistry*, 110(3), 584-589.
- Chippada, S. C., Volluri, S. S., Bammidi, S. R., & Vangalapati, M. (2011). *In vitro* anti inflammatory activity of methanolic extract of *Centella asiatica* by HRBC membrane stabilization. *Rasayan Journal of Chemistry*, 4(2), 457-460.
- Chitra, V., Sharma, S., & Kayande, N. (2009). Evaluation of anticancer activity of *Vitex negundo* in experimental animals: an *in vitro* and *in vivo* study. *International Journal PharmTech Research*, 1(4), 1485-1489.

- Choudhury, M. D., Nath, D., & Talukdar, A. D. (2011). Antimicrobial activity of *Melastoma malabathricum* L. *Assam University Journal of Science and Technology*, 7(1), 76-78.
- Choudhary, N., Siddiqui, M. B., Azmat, S., & Khatoon, S. (2013). *Tinospora cordifolia*: ethnobotany, phytopharmacology and phytochemistry aspects. *International Journal of Pharmaceutical Sciences and Research*, 4(3), 891-899.
- Chuakul, W., Saralamp, P., Paonil, W., Temsiririrkkul, R., & Clayton, T. (1997). Medicinal plants in Thailand. *Bangkok: Mahidol University. Department of Pharmaceutical Botany 248p.-col. illus.. ISBN, 1155955117.*
- Chueahongthong, F., Ampasavate, C., Okonogi, S., Tima, S., & Anuchapreeda, S. (2011). Cytotoxic effects of crude kaffir lime (*Citrus hystrix*, DC.) leaf fractional extracts on leukemic cell lines. *Journal of Medicinal Plants Research*, 5(14), 3097-3105.
- Clark, A., Skouteris, H., Wertheim, E. H., Paxton, S. J., & Milgrom, J. (2009). My baby body: A qualitative insight into women's body-related experiences and mood during pregnancy and the postpartum. *Journal of Reproductive and Infant Psychology*, 27(4), 330-345.
- Cojocar, A-L. & Marza-Danila, D. (2014). Study concerning the efficiency of the reflex massage in the treatment of varicose veins. *Procedia – Social and Behavioral Sciences*, 117(2014), 559 – 565.
- Coldren, C. D., Hashim, P., Ali, J. M., Oh, S. K., Sinskey, A. J., & Rha, C. (2003). Gene expression changes in the human fibroblast induced by *Centella asiatica* triterpenoids. *Planta Medica*, 69(8), 725-732.
- Colley, F. C. (1978). Traditional Indian Medicine in Malaysia. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 51(1-233), 7 - 109.
- Combs, C. A., Murphy, E. L., & Laros Jr, R. K. (1991). Factors associated with postpartum hemorrhage with vaginal birth. *Obstetrics & Gynecology*, 77(1), 69-76.
- Conde Garcia, E. A., Nascimento, V. T., & Santiago Santos, A. B. (2003). Inotropic effects of extracts of *Psidium guajava* L.(guava) leaves on the guinea pig atrium. *Brazilian Journal of Medical and Biological Research*, 36(5), 661-668.
- Convention on Biological Diversity (CBD). The Nagoya protocol on access and benefit-sharing. Dicapai pada January, 13, 2014, from <http://www.cbd.int/abs/>.

- Convention on Biological Diversity (CBD). Access and Benefit Sharing (ABS) Dicapai pada April, 27, 2015, dari: <https://www.cbd.int/cop/cop-11/doc/cop-11-media-press-brief-abs.pdf>
- Convention on Biological Diversity (CBD). Introduction to access and benefit sharing. Dicapai pada April, 27, 2015, dari: <http://www.cbd.int/abs/infokit/revised/web/all-files-en.pdf>
- Croat, T. B. (1978). Survey of herbarium problems. *Taxon*, 203-218.
- Cui, J., Li, C., You, J., & Xu, X. D. (2012). Effects of *Imperata cylindrica* polysaccharides on glucose and lipid metabolism in diabetic mice. *Food Sciences*, 33, 302-305.
- Darah, I., Jain, K., Suraya, S., Lim, S. H., Hazarina, N., & Siti Noor Adnalizawati, A. (2006). Screening for antiyeast activities from selected medicinal plants. *Journal of Tropical Forest Science*, 18(4), 231.
- Das, S. S., Dey, M., & Ghosh, A. K. (2011). Determination of anthelmintic activity of the leaf and bark extract of *Tamarindus indica* Linn. *Indian journal of pharmaceutical sciences*, 73(1), 104.
- Dasgupta, N., & De, B. (2004). Antioxidant activity of *Piper betle* L. leaf extract *in vitro*. *Food Chemistry*, 88(2), 219-224.
- Devi, S. A., & Ganjewala, D. (2009). Antimicrobial activity of *Acorus calamus* (L.) rhizome and leaf extract. *Acta Biologica Szegediensis*, 53(1), 45-49.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Lahir. Dicapai pada Desember, 9, 2014, dari: <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=lahir>.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Herba. Dicapai pada September, 12, 2014, dari: <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=herba>.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Holistik. Dicapai pada Jun, 21, 2015, dari: <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=holistik>
- Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Tangas. Dicapai pada Ogos, 12, 2014, dari: <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=tangas>.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Peribahasa. Dicapai pada April, 27, 2015 dari: <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=bidan&d=11>
- Dhiman, A., Nanda, A., Ahmad, S., & Narasimhan, B. (2011). *In vitro* antimicrobial activity of methanolic leaf extract of *Psidium guajava* L. *Journal of Pharmacy and Bioallied Sciences*, 3(2), 226.

- Din, M. A. O. (2011). Asal usul orang Melayu: menulis semula sejarahnya. *Jurnal Melayu* (7), 1-82.
- Dinsmoor, M. J., Vilorio, R., Lief, L., & Elder, S. (2005). Use of intrapartum antibiotics and the incidence of postnatal maternal and neonatal yeast infections. *Obstetrics & Gynecology*, 106(1), 19-22.
- Dorman, H. J. D., & Deans, S. G. (2000). Antimicrobial agents from plants: antibacterial activity of plant volatile oils. *Journal of Applied Microbiology*, 88(2), 308-316.
- Doughaari, J. H., Elmahmoud, A. M. & Manzara, S. (2007). Studies on the antibacterial activity of root extract of *Carica papaya* L. *African Journal of Microbiology Research*, 1(3), 37-41.
- Dørheim, S. K., Bondevik, G. T., Eberhard-Gran, M., & Bjorvatn, B. (2009). Sleep and depression in postpartum women: a population-based study. *Sleep*, 32(7), 847-855.
- Effendy, N. M. & Shuid A. N.. (2014). Time and dose-dependent effects of *Labisia pumila* on bone oxidative status of postmenopausal osteoporosis rat model. *Nutrients*, 6, 3288-3302. doi:10.3390/nu6083288
